

# MUHAMMAD IBNU YUSUF AL JAZARI: SUMBANGAN BELIAU DALAM BIDANG HADITH

Muhammad Zubair Bin Md Sah<sup>i</sup>, Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Mohammad<sup>ii</sup>, Dr Mohd Nor Adzhar Ibrahim<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Muhammad Zubair Bin Md Sah, Fakulti Pengajian Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Emel: 3232638@raudah.usim.edu.my

<sup>ii</sup> Fakulti Pengajian Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Emel: khairul@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Fakulti Pengajian Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Emel: mnor.adzhar@usim.edu.my

## ABSTRAK

Muhammad Ibn Yusuf Al-Jazari, lebih dikenali sebagai Imam Ibn Al-Jazari, adalah seorang ulama besar pada kurun ke-8 hijrah dan karyanya menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Beliau masyhur sebagai seorang qurra' kerana dedikasinya dalam bidang al-Qur'an iaitu qira'at dan tajwīd, bahkan juga menjadi seorang muhadithīn. Peranan dan sumbangan beliau dalam bidang hadith juga turut menjadi tumpuan oleh penuntut ilmu serta sarjana moden. Objektif artikel ini adalah untuk mengfokuskan sumbangan Ibn Al-Jazari dalam bidang hadith serta mengupas beberapa isi kandungan yang penting di dalam setiap karya beliau dalam bidang tersebut. Hal ini kerana aspek ini sering kali dialpakan dalam biografi beliau. Kaedah pengumpulan data adalah melalui metod penyelidikan kepustakaan. Kajian tidak tertumpu kepada semua karya beliau yang berjumlah 75 kitab tetapi dikhurasukan kepada karya beliau dalam bidang hadith yang berjumlah 19 karya. Kesimpulannya, Ibn Al Jazari merupakan ulama' dalam bidang al-Qur'an yang banyak jasanya sehingga hari ni, namun tidak terhenti di dalam satu bidang ilmu sahaja, beliau turut menguasai bidang ilmu hadith, malahan mempunyai beberapa karya berkaitan ilmu tersebut. Oleh itu, beliau diiktiraf antara ulama' yang memberikan sumbangan signifikan dalam dua disiplin ilmu Islam yang berkaitan, iaitu ilmu qira'at dan hadith.

**Kata-kata kunci:** Ibnu Jazari, Sumbangan, Bidang Hadith

## PENGENALAN

Sesungguhnya ilmu hadith adalah ilmu yang mulia, suci, dan berkat selepas ilmu yang berkaitan dengan Kitab Allah iaitu al-Qur'an. Hadith adalah wahyu kedua dan sumber pelengkap syariat. Tidak ada satu umat pun sebelum ini yang menjaga hadith Nabi mereka seperti mana umat ini, umat Nabi Muhammad S.A.W. Atas kebijaksanaan dan kehebatan Allah, Dia telah menetapkan ke atas umat ini keadaan di mana terdapat hamba-hamba-Nya yang luar biasa, iaitu mereka yang bertanggungjawab menjaga kesucian dan kesahihan hadith. Di antara hamba-hamba-Nya yang luar biasa, beliau adalah lahirnya tokoh hebat pada kurun ke-8 Hijrah iaitu Imam Al Hāfiẓ

al-Hujjah Shams Addin Muhammad bin al-Jazari. (Mashhūr Ibn Marzūq). Sunnah atau hadith juga adalah sebagai sumber pengetahuan dan peradaban (Yūsuf al-Qardāwī: 1998)

### Biografi Muhammad Ibnu Yusuf Al Jazari

Beliau ialah seorang Qurra' dan muhadithin, Syeikh qira'at dan tajwid pada zamannya sehingga ke hari ini, iaitu Allamah Al Hāfiẓ Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf bin Jazari, Shams Addin Abu Kheir al-Dimashqī al-Shāfi'i, masyhurnya Ibn Al-Jazari. Ayahnya seorang peniaga dimana Imam Jazari menjadikan ayahnya sebagai guru pertamanya seperti di dalam kitab *Jāmi' Asānīd Ibn al-Jazārī*. Ketika ayahnya pergi menunaikan Haji ketika umurnya 48 tahun, ayahnya telah meminum air zam zam, moga-moga dia dikurniakan seorang anak lelaki yang akan menjadi Ahli al-Qur'an. Kemudian ayahnya pulang dari haji dan berkahwin lalu dikurniakan anak iaitu Ibn Al-Jazari ketika umurnya 50 tahun. Ibn Jazari dilahirkan pada malam sabtu, 25 Ramadan yang mulia 751 hijrah di Damsyiq.

Ibn Al-Jazari telah menghafal al-Qur'an dan mengkhatamkan pada usia 13 tahun di Damsyiq. Ibn al-Jazari bertalaqqi dengan beberapa gurunya antaranya ialah Sheikh Abu Muhammad Abdul Wahhab ibn al-Sallar, Sheikh Ahmad Ibn Ibrahim Ibn Aṭṭoḥan, Sheikh Ahmad Ibn Rejab. Beliau membaca qira'at dengan Sheikh Abu Ma'ali Ibn Laban ketika umurnya 17 tahun. Beliau juga mengerjakan Haji beberapa kali dan berulang kali datang ke Mesir. Dalam setiap kali perjalanan ke Mesir, beliau akan bertemu dengan para imam qira'at dan bertalaqqi dengan mereka. Beliau juga mendengarkan hadith daripada al-Dimyātī dan al-Abarqūhī serta daripada beberapa orang sahabat al-Fakhr Ibn al-Bukhāriy dan yang lain-lainnya. Beliau mempelajari fiqh daripada Sheikh 'Abd al-Rahīm al-Isnawī dan yang lain-lain, serta mempelajari ilmu usul, ma'ani, dan bayan di Mesir daripada al-Sheikh Ḥiyā' al-Dīn ibn Sa'd Allāh al-Qazwīnī, dan beliau juga belajar daripada yang lain-lain. Beliau telah diberi keizinan untuk berfatwa oleh Sheikh al-Islām Abū al-Fidā' Ismā'il ibn Kathīr, al-Sheikh Ḥiyā' al-Dīn al-Qazwīnī, dan Sheikh al-Islām al-Bulqīnī.

Beliau kemudian mengajar di bawah Qubah al-Nasr di Masjid Umayyah selama bertahun-tahun, dan dilantik sebagai Sheikh al-Iqrā' al-Kubra di Turbat Umm al-Ṣāliḥ. Ramai orang mempelajari qiraat daripadanya. Beliau membina sebuah madrasah al-Qur'an di Damsyik yang dinamakan Dār al-Qur'ān al-Karīm.' Beliau dilantik sebagai qadi di Syam pada tahun 793H, kemudian pergi ke negeri Rūm dan tinggal di kota Bursah, Dār Al-Malik. Beliau menyebarkan ilmu qira'at dan hadith, dan ramai orang mengambil manfaat daripadanya. Begitu juga ramai yang bertalaqqi menyempurnakan bacaan qira'at riwayat sepuluh imam daripadanya serta beliau mengarang kitab 'Nashr al-Qirā'āt al-'Ashr' sebanyak dua jilid.

Selepas itu, berlakunya fitnah Taymuriyah di negeri Rūm pada tahun 805H. Beliau ditangkap oleh al-Amīr Taymūr dari Rūm dan dibawa ke negeri Warā' al-Nahr, lalu ditempatkan di kota Kash (كشن). Ramai orang mempelajari daripadanya di sana dan juga di Samarkand. Kemudian beliau memasuki kota Harāt selepas kematian al-Amīr Taymūr, dan ramai yang mempelajari bacaan qira'at sepuluh daripadanya. Kemudian beliau memasuki kota Yazd (يزد) dan kemudiannya ke 'Aṣbahān, di mana ramai orang bertalaqqi, mempelajari ilmu dan mengambil manfaat daripadanya. Selepas itu, beliau tiba di kota Shīrāz ( Shiraz), di mana sultannya menahannya dan menjadikannya sebagai qadi di situ. Beliau tinggal di sana untuk beberapa waktu, dan ramai orang bertalaqqi dan mendapat manfaat daripada beliau.

Dan kemudian beliau berniat untuk menunaikan haji pada tahun 822H, lalu beliau berangkat melalui jalan Baṣrah. Ketika beliau melewati kawasan ‘Unayzah (عنيزة) sejauh dua marhalah, beliau ditangkap oleh kaum Badwi dari Banī Lām. Kemudiannya, mereka melepaskan beliau tetapi merampas segala hartanya yang dibawa bersama. Beliau kembali ke ‘Unayzah dan mengarang kitab ‘al-Durrāh’ iaitu berkaitan ilmu qiraat mengikut tiga riwayat bacaan imam qira’at. Berkat usaha dan ketabahan hati beliau, Allah memudahkannya untuk menunaikan haji, dan beliau tinggal di dua tanah yang suci (Makkah dan Madinah) untuk beberapa waktu. Di sana juga ramai orang bertalaqqi dan mempelajari ilmu daripadanya.

Beliau mempunyai banyak karya, termasuk yang dalam bentuk matan dan puisi, kebanyakannya dalam bidang ilmu qira'at dan tajwid. Beliau juga menulis dalam bidang tafsir, hadis, fiqh, dan bahasa Arab. Beliau meninggal dunia di Shīrāz, pada waktu dhuha hari Jumaat, 5 Rabi‘al-Awwal tahun 833H. Beliau dikebumikan di Dār al-Qur’ān tempat dibinanya Madrasah al-Qur’ān di sana.

### Guru – Guru Beliau

Nama-nama guru dan Sheikh beliau yang direkodkan berjumlah lebih dari 70 orang dalam pelbagai bidang seperti bidang al-Qur’ān, hadith, fiqh dan juga bahasa. Senarai nama guru beliau diambil dari kitab *Jāmi‘ Asānīd Ibn al-Jazarī* dan *Ghāyat al-Nihāya fī Ṭabaqāt al-Qurrā‘*. Diantara nama guru beliau yang beliau mengambil ijazah bersanad dalam bidang al-Qur’ān dan qira'at secara sempurna:

Abī Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb ibn al-Salār  
Aḥmad ibn Ibrāhīm ibn al-Ṭāḥṭāb  
Aḥmad ibn Rajab  
Al-mujawwīd Ibrāhīm al-Ḥamawī  
Abī al-Ma‘ālī ibn al-Labbān  
Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ṣalīḥ al-Khaṭīb  
Abī Bakr ‘Abd Allāh ibn al-Jundī  
Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn al-Sā’igh  
Abī Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān ibn al-Baghdādī  
Maḥmūd ibn al-Ḥusayn ibn Sulaymān al-Shīrāzī  
Abū Bakr ibn Muṣbah al-Ḥamawī  
Najīb al-Dīn ‘Abd Allāh ibn Quṭb ibn al-Ḥasan al-Bayhaqī  
Aḥmad ibn Maḥmūd ibn Aḥmad al-Ḥijāzī  
Muḥammad ibn Aḥmad ibn al-Hā’im  
al-Khaṭīb Mu’min ibn ‘Alī ibn Muḥammad al-Rūmī  
Yūsuf ibn Aḥmad ibn Yūsuf al-Ḥabashī  
al-shaykh ‘Alī ibn Ibrāhīm ibn Aḥmad al-Ṣalīḥī  
‘Alī ibn Ḥusayn ibn ‘Alī al-Yazdī  
Mūsā ibn al-Kurdī  
‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Alī ibn Nafīs  
Aḥmad ibn ‘Alī ibn Ibrāhīm al-Rummānī  
al-Imām Ṣafar Shāh  
al-Wuldān al-Ṣalīḥān Muḥammad wa Maḥmūd ibn al-shaykh al-Ṣalīḥ al-Zāhid Fakhr al-Dīn  
Ilyās ibn ‘Abd Allāh

Abū Sa‘īd ibn Bishlamash ibn Muntašā

Diantara nama guru beliau yang beliau mengambil manfaat dalam bidang al-Qur'an dan qira'at:

‘Alī ibn Muḥammad al-Wāsiṭī  
‘Umar al-Zayla‘ī  
Jamāl al-Dīn al-Dār Qazī  
Muḥammad ibn Sulaymān al-Hakrī  
‘Abd Allāh al-‘Ajamī  
‘Alā’ al-Dīn ‘Alī al-Khawlānī  
Shams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Shaṭṭī  
Qāsim ibn al-Hijāzī al-Ṣāliḥī  
Nāṣir al-Dīn Naṣr al-Bābī al-Jawkhī  
Aḥmad al-Ghazzī al-Mashhūr bi-al-Fallāḥ  
Yūnus al-Ghazzī  
Ṣalāḥ al-Dīn ibn Maṣ‘ūd al-Mālikī  
Shams al-Dīn Muḥammad al-Ādāmī  
Zayn al-Dīn ‘Umar ibn Amīn al-Dawlah al-Halabī  
Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad al-Tūnisī al-Qabāqibī  
Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Sa‘īd al-Yamanī  
Khalīl ibn ‘Uthmān al-Ma‘rūf bi-Ibn al-Mushabbib  
Muḥammad ibn Muḥammad ibn Maymūn al-Balawī al-Gharnāṭī

Selain itu, disenaraikan juga guru beliau dalam bidang hadith dari pelbagai tempat dan negeri, khususnya di Damsyik, Mesir, dan Baghdad. Antara guru beliau ialah Ibn Umayyah al-Marāghī, Ibn al-Shirjī, Ibn Abī ‘Umar, Ibrāhīm ibn Aḥmad ibn Fallāḥ, al-‘Imād Ibn Kathīr, al-Bulqīnī, ḏiyā’ al-Dīn al-Qazwīnī, Abū al-Thanā’ Maḥmūd al-Munījī, al-Kamāl Ibn Ḥabīb, dan al-Taqī ‘Abd al-Rahmān al-Baghdādī. Antara tokoh-tokoh hadith yang beliau mengambil manfaat dalam kalangan ahli Iskandariah (الإسكندرية) adalah ‘Abd Allāh al-Damāmīnī dan Ibn Mūsā. Terdapat juga guru beliau dalam kalangan ahli Ba‘labek (بعلبك) seperti Aḥmad ibn ‘Abd al-Karīm.

## Karya Penulisan

Terdapat dalam 19 karya penulisan Ibn al-Jazari dalam bidang hadith antaranya:

Al-Āḥādīth al-‘Ishrūn al-‘Awālī (الأحاديث العشرون الأولى), Aḥādīth Musalsalāt wa-‘Ushāriyyāt al-Isnād ‘Āliyāt (الأربعون في الحديث), Al-Arba‘ūn fī al-Hadīth (أحاديث مسلسلات وعشريات الإسناد عاليات), Tadhkirat al-‘Ulamā’ fī Uṣūl al-Hadīth (تذكرة العلماء في أصول الحديث), Al-Awlawiyyah fī Aḥādīth al-Bidāyah fi Mā ‘ālim al-Riwayah (البداية في معالم الرواية), Al-Bidāyah fī Aḥādīth al-Āowlīyah (الرواية في أحاديث الأولياء), Jāmi‘ al-Asānīd (جامعة الأسانيد), Junnat al-Hiṣn al-Ḥaṣīn min ʿUddat al-Hiṣn al-Ḥaṣīn (جنة الحصن من كلام سيد المرسلين), Kalām Sayyid al-Mursalīn (كلام سيد المرسلين), Al-Musnad al-Aḥmad fīmā Yata‘allaqu bi-Musnad Ahmad (الموسناد لأحمد), Iqd al-Lālī fī al-Āḥādīth al-Musalsalah al-‘Awālī (عقد اللالي في الأحاديث المسلسلة الأولى), Juz’ Mufrad fī Bayān Ṭarrq ḥadīth al-Āhruf al-Sab‘ah (جزء مفرد في بيان طرق حديث الأحرف السبعة),

Miftāḥ al-Ḥiṣn al-Ḥaṣīn (مفتاح الحصن الحصين) dan Al-Hidāyah ilā ‘Ulūm al-Riwayah (Manzūmah). (الهداية إلى علوم الرواية منظومة).

### *Al-Arba‘ūn fī al-Hadīth*

Kitab Al-Arba‘ūn fī al-Hadīth, atau nama lainnya ialah Turfat al-‘ālam min kalām Abī al-Qāsim, karya beliau menghimpunkan 40 buah hadith yang paling ṣaḥīh, serta pendek matannya agar mudah untuk dihafaz. Bertepatan dengan muqaddimah kitab tersebut yang menjelaskan hadith Nabi Muhammad S.A.W, mafhumnya :

“Sesiapa yang menghafaz empat puluh hadith dari kalangan umat ku nescaya Allah SWT akan membangkitkannya pada hari kiamat nanti menjadi orang yang faqih dan alim”

Semua hadith yang dihimpukan oleh Ibn al-Jazari adalah diambil daripada riwayat Imam Bukhari, Imam Muslim, dan juga ittifaq kedua-dua imam tersebut. Secara keseluruhannya kandungan matan hadith termasuk di bawah kategori hadith faḍail Amal. Semua hadith di bawahnya berkaitan dengan wudhu, kelebihan berpuasa, selawat keatas baginda, berlaku baik sesama manusia, kelebihan haji dan umrah, jihad di jalan Allah, belajar dan mengajar al-Qur'an. Selain itu terdapat hadith berkaitan ancaman-ancaman dan amaran seperti ancaman minum arak serta terdapat hadith menggalakkan melakukan kebaikan. Berikut adalah sebahagian hadith di dalam kitab beliau daripada riwayat imam bukhari berkaitan dengan puasa:

أبو هريرة وأبو أيوب رضي الله عنهمَا، قال النبي صلى الله عليه وسلم: من صام رمضان، ثم أتبَعَه ستاً من شوال كان كصائم الدهر

Abū Hurayrah dan Abū Ayyūb raḍiyallāhu 'anhumā, Nabi S.A.W bersabda: Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadan, kemudian di ikuti dengan enam hari puasa di bulan Syawal, maka baginya seperti berpuasa sepanjang tahun.

Contoh sebahagian hadith di dalam kitab beliau daripada riwayat imam Muslim berkaitan dengan bab iman:

عبدة بن الصامت، قال النبي: من شهد على أن لا إله إلا الله، وأن محمدا رسول الله، حرم الله عليه النار

‘Ubādah bin al-Ṣāmit, Nabi S.A.W bersabda: Barangsiapa bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah, maka Allah mengharamkan keatasnya neraka

Contoh lain sebahagian hadith daripada kedua-dua riwayat imam Bukhari dan Muslim yang dinukilkkan dalam kitab beliau ialah:

أبو هريرة قال صلى الله عليه وسلم: من يرد الله به خيراً يفقه في الدين

Abū Hurayrah, Nabi S.A.W bersabda: Sesiapa yang Allah Mahukan mereka kebaikan maka difahamkan mereka dengan urusan agama.

Kesimpulannya, kesemua hadith yang dipilih dan disusun dalam kitab *Turfat al-‘ālam min kalām Abī al-Qāsim* adalah hadith *ṣahīh* dan paling pendek dengan tujuan utamanya memudahkan umat Islam menghafaz kerana fadhilat dan ganjaran yang besar disediakan bagi mereka yang menghafaz 40 hadith. Mereka kelak akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam kalangan orang yang faqih dan alim.

### ***Tadhkirat al-‘Ulamā’ fī Uṣūl al-Hadīth***

Dalam kitab ini, Ibn al-Jazari telah menyusun beberapa panduan kepada kita khususnya dalam mempelajari usul hadith. Terlebih dahulu terdapat dua jilid kitab yang di tahqiq oleh Dr Muṣṭafa Sulaymī di mana beliau memuji keilmuan Syeikh ibn al-Jazari yang mana merupakan sebaik-baik akhlak dan ulama pada zaman beliau. Ibn al-Jazari sangat banyak memberi manfaat dan mengambil manfaat dari ulama'-ulama sezaman dengan beliau. Walaupun pada akhir-akhir hayat beliau pendengaran beliau sedikit terganggu, namun penglihatannya, tetap kekal sihat, kuat dan mampu menulis dengan baik dan tepat terutamanya dalam menyampaikan ilmu kepada orang lain. Tidak dilupakan juga sanjungan dari salah satu daripada kata-kata guru Ibn al-Jazari (Sheikh Ibn al- ṣā’igh dan Sheikh al- ‘asnawī) bahawa:

“Kami tidak pernah melihat seorang pemuda yang bijak seperti pemuda ini.”. Maka mereka berdua mengangkat tangan dan berdoa agar dipanjangkan umurnya iaitu Ibn al-Jazari.

Selain itu, ada perbahasan berkaitan ilmu al-Jarh wa al-Ta’dil yang ditekankan sangat penting bagi mengetahui keadaan perawi hadith sama ada riwayatnya diterima atau ditolak. Ulama' yang ahli dalam menilai perawi hadith adalah anugerah terbesar bagi umat Islam. Kata Ibnu Kathir, "Kata-kata mereka harus diterima dengan penuh keyakinan tanpa perlu dipersoalkan. Hal ini kerana kita maklum betapa hebatnya ilmu dan pengalaman mereka dalam menilai sesebuah perawi. Terutama sekali, jika mereka sepakat untuk mengatakan seseorang perawi itu lemah, tidak boleh dipercayai atau pendusta, maka ahli hadith yang mahir akan setuju dengan mereka, kerana kejujuran, amanah, dan keikhlasan mereka dalam ilmu tersebut."

Disebutkan juga perbandingan antara kitab ini (*Tadhkirat*) dan kitab (*Al-Hidāyah*) di mana kitab ini lebih mendalam membincangkan usul hadith berbanding *Al-Hidāyah* yang banyak berbentuk *Manzūmah* (matan/syair). Turut dibincangkan permasalahan *ta’dil*, dan permasalahan berkaitan pengambilan hadith dari seorang yang sebelumnya belum memeluk Islam atau seorang yang bukan Arab. Selain itu terdapat juga perbahasan berkaitan pendengaran hadith dibalik hijab iaitu tabir dan pandangan-pandangan lain yang berkaitan dengan pengijazahan hadith. Ditekankan juga dalam kitab Ibn al-Jazari bahawa pembahagian kepada tiga kategori hadith (*ṣahīh*, *ḥasan* dan *da’īf*) merangkumi semua perbincangan dalam ilmu hadith serta mencakupi segala yang berkaitan dengan penerimaan atau penolakan sesebuah hadith. Perbahasan berkaitan pembahagian kategori hadith diterangkan secara jelas sehingga ke akhir jilid satu.

Dalam jilid yang kedua, bahagian yang penting diketengahkan dalam kitab ini ialah mengenal sahabat-sahabat Nabi Muhammad S.A.W, para tabi'in, serta lapisan perawi hadith dengan nama dan gelaran yang biasa digunakan dalam bidang hadith. Perbahasan ini sangat

penting dalam mengetahui sesebuah hadith sama ada sanadnya (muttaṣil) atau terputus sanadnya (mursal). Terdapat juga perbahasan terhadap perawi hadith dari segi *kunyah* dan *laqab* (gelaran nama) di mana ada dalam kalangan mereka mempunyai gelaran yang sama namun individu yang berbeza.

### ***Al-Hidāyah ilā ‘Ulūm al-Riwayah (Manzūmah)***

Kitab ini ditulis oleh Imam Ibn al-Jazari dalam bentuk syair berjumlah 370 bait yang sangat ringkas dan padat dengan maklumat.

أَبْيَاثُهَا مَعْدُودَةٌ لِمَنْ رَوَى  
ثَلَاثَمَائَةٌ وَسَبْعُونَ سُوا

Bermaksud: Baris ini menyatakan bahwa kitab ini terdiri daripada 370 bait syair.

Kitab ini membahaskan tentang ilmu yang berkaitan dengan hadith khususnya penuntut ilmu yang ingin mendalaminya. Terdapat beberapa isi penting dibahaskan diceritakan dalam bentuk syair. Ditekankan dalam syair bahawa antara adab penuntut ilmu hadith ialah:

فَأَوْلَأً بَعْدَ خُلوصِ نِيَّتِهِ  
أَهُمْ مَا إِلَيْهِ صِدْقٌ لَهُجَّتِهِ

Maksudnya: Syarat pertama untuk menjadi penuntut ilmu / perawi hadis ialah mempunyai niat yang ikhlas dalam meriwayatkan hadis. Niat yang murni dan baik untuk mendapatkan kebenaran serta menyebarkan ilmu islam. Seterusnya yang penting ialah kejujuran dan amanah dalam percakapan. Perawi hadith atau penuntut ilmu perlulah amanah lebih-lebih lagi ketika meriwayatkan sesebuah hadith dengan tidak menambah, mengurang, atau mengubah isi hadith tersebut.

Selain itu antara perbahasan lain yang terdapat dalam kitab beliau ialah perbincangan ilmu berkaitan perawi hadith dimana penekanan terhadapa kepentingan mempelajari biografi dan latar belakang mereka yang meriwayatkan hadith, cara mengkaji dan menilai kesahihannya riwayat berdasarkan keadaan dan kategori perawi hadith, menjelaskan ciri-ciri perawi hadith yang lemah serta penekanan untuk menghindari hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang ḏa‘īf. Tambahan pula, dijelaskan juga ilmu berkaitan sanad sesebuah hadith dengan kaedah mengkaji tentang rantai periwayatan hadith dari Nabi Muhammad S.A.W sehingga ke perawi yang terakhir, Seterusnya, turut dibahaskan ilmu berkaitan isi sesebuah hadith dan ilmu untuk mengtahui penyebab kerosakan sesebuah hadith. Ilmu al-Jarh wa al-Ta’wil dan ilmu Takhrij turut dibahaskan secara ringkas dalam kitab beliau.

Kesimpulannya, Kitab al-Hidayah ilā ‘Ulūm al-Riwayah (Manzūmah) merupakan karya penting dalam ilmu hadith yang memberikan panduan komprehensif untuk mengenal, mendalami dan mengkaji status sesebuah hadith dalam bentuk syair yang ringkas serta mudah difahami. Kitab ini lebih mudah dan ringkas berbanding kitab *Tadhkirat al-‘Ulamā’ fī Uṣūl al-Ḥadīth* kerana sebahagian syair di dalam kitab al-Hidayah ilā ‘Ulūm al-Riwayah disyarahkan secara terperinci di dalam kitab tersebut.

### **Jāmi‘ al-Asānīd**

Jāmi‘ al-Asānīd, karya Imam Ibn al-Jazari, adalah kitab yang penting dalam ilmu hadith dan qira'at yang merangkumi rantaian periwayatan (sanad) dalam ilmunya. Disebutkan di dalam kitab beliau, antara sebab beliau menyusun kitab ini adalah kerana dua sebab. Pertama adalah untuk menyangkal sebahagian pihak yang menafikan kepentingan sanad dalam al-Qur'an dan hadith. Penerimaan sanad dalam ilmu adalah penting untuk menjamin ketepatan dan kesahihannya ilmu tersebut khususnya dalam pembacaan al-Qur'an dan periwayatan hadith. Kedua ialah disebabkan permintaan anak murid beliau iaitu Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Shāhīr bi-Ibn Iftikhār al-Dīn al-Harawī. Ketika beliau selesai bertalaqqi bacaan sepuluh imam qira'at bersama Imam Ibn al-Jazari, beliau bertanyakan tentang pembukuan jalur atau rantaian sanad bacaan qira'atnya. Ibn al-Jazari menegaskan berpegang teguhlah dengan sanad yang betul agar orang yang membaca dengannya mengetahui nilai sebuah ilmu. Terdapat sedikit singkatan yang dalam penulisan kitab ini seperti:

(أنا) بمعنى أخبرنا ، (ثنا) بمعنى حدثنا ، (ثي) بمعنى حديثي

Selain itu, dijelaskan secara terperinci perjalanan kehidupan Imam Ibn al-Jazari seawal usia kanak-kanak mendapatkan ilmu daripada ayah beliau:

فَلَمَّا تَشَيَّخَ الْأُولُ - وَهُوَ وَالدِّي رَحْمَهُ اللَّهُ تَعَالَى، وَجَزَاهُ عَنِي خَيْرُ الْجَزَاءِ، وَجَمَعَ بَيْنِي وَبَيْنِهِ فِي دَارِ  
البَقَاءِ؛ فَإِنِّي قَرَأْتُ عَلَيْهِ الْقُرْآنَ الْعَظِيمَ مَرَّاتٍ، وَسَمِعْ مِنْ لُفْظِي الرِّوَايَاتِ كَرَّاتٍ.

Maksudnya: Adapun guru pertama - iaitu ayahku, semoga Allah merahmatinya dan memberi sebaik-baik ganjaran kepadanya, dan menghimpunkanku dengannya di alam yang kekal, sesungguhnya aku telah membacakan al-Qur'an di hadapannya berkali-kali, dan beliau telah mendengar bacaanku berkali-kali.

Dalam kitab ini juga, beliau telah menyenaraikan semua guru-guru beliau daripada beliau kecil sehingga beliau menjadi seorang ulama' yang hebat pada zaman beliau. Terdapat beberapa syeikh yang beliau bertalaqqi dan mendapatkan ijazah dari guru beliau antaranya ialah Sheikh al-Walī al-Šālih Abū 'Alī al-Hasan bin 'Abd Allāh al-Sarūjī dimana merupakan guru kepada ayah Ibn al-Jazari juga. Ibn al-Jazari mentalaqqi dan mengambil ijazah bacaan qira'at Abu 'Amr dan menghafaz serta membacakan bab Idgham daripada kitab al-Shātibiyah. Tidak dilupakan juga al-Imām al-Ālim al-Kabīr: Amīn al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd al-Wahhāb bin Yūsuf bin Ibrāhīm bin Bayram bin Bahrām bin Mahmūd bin al-Sallār. Ibn al-Jazari telah bertalaqqi qira'at Abu 'Amr dengan beberapa riwayat daripada al-Shātibiyah dan taysīr. Beliau juga mengambil manfaat duduk di majlis bacaan kitab al-Shātibiyah serta menghafal dan membacanya di hadapan gurunya secara sempurna. Turut disenaraikan beberapa orang guru Ibn al-Jazari yang beliau telah mendapatkan beberapa manfaat tetapi secara kurang formal yakni tanpa pengijazahan atau sanad. Guru -guru beliau banyak dalam kategori ini antaranya ialah Sheikh al-Muqri' 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Muḥammad al-Wāsiṭī, Sheikh al-Muqri' 'Umar al-Zayla'i, Sheikh Jamāl al-Dīn Yūsuf al-Dāraqazzī al-Baghdādī dan lain-lain lagi.

### ***Al-Ḥiṣn al-Ḥaṣīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn***

Kitab Al-Ḥiṣn al-Ḥaṣīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn ini menghimpunkan doa-doa atau wirid daripada Nabi Muhammad S.A.W, Salafus soleh atau mereka yang dikenali dalam ahli ilmu. Imam Ibn al-Jazari Menyusun hadith-hadith dengan cara yang jelas dan sangat teratur dengan terus menyebut doa tanpa menyebutkan nama perawi hadith, kisah disebalik hadith atau sesuatu doa tersebut. Hal ini bagi memudahkan umat islam membaca, menghafal dan mengamalkan doa-doa harian yang mudah. Terdapat juga beberapa rumuz yang dipermudahkan digunakan untuk menunjukkan sumber hadith tersebut seperti berikut:

Şahīh al-Bukhārī: ح, Muslim: ح, Sunan Abī Dāwūd: ح, al-Tirmidhī: ح, al-Nasā'ī: ح, Ibn Mājah al-Qazwīnī: ح, Empat kitab ini (Sunan Abī Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Ibn Mājah al-Qazwīnī): ح, Enam kitab ini (Şahīh al-Bukhārī, Muslim, Sunan Abī Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Ibn Mājah al-Qazwīnī): ح, Şahīh Ibn Ḥibbān: ح, Şahīh al-Mustadrak: ح, Abū 'Awana: ح, Ibn Khuzaymah: ح, al-Muwaṭṭa': ط, Sunan al-Dāraqutnī: ط, Muṣannaf Ibn Abī Shaybah: مص, Musnad al-Imām Aḥmad: أ, al-Bazzār: ر, Abū Ya'lā al-Mawṣilī: ص, al-Dārimī: مي, Mu'jam al-Tabarānī al-Kabīr: ط, al-Awsat: طس, al-Ṣaghīr: صط, al-Du'a' lahu: طب, Ibn Marduwayh: ح, al-Bayhaqī fī al-Da'awāt al-Kabīr: قي, al-Sunan al-Kabīr: سنی dan Ibn al-Sunnī: ي

Terdapat lebih daripada 70 bab yang menghimpunkan hadith-hadith berkaitan seperti wirid-wirid, doa-doa Nabi Muhammad S.A.W, Kelebihan-kelebihannya, adab-adabnya, waktu mustajab berdoa, keadaan-keadaan penerimaan doa, tempat-tempat penerimaan doa, golongan yang mustajab doanya, asmaul ḥusna, apa yang perlu dibaca pada waktu pagi, petang dan malam, azan dan iqamah, sujud ketika membaca al-Qur'an, berkaitan dengan kelahiran, bersafar, doa meminta hujan, doa lailatul qadr, shahid di jalan Allah dan beberapa surah disebutkan mempunyai kelebihan dan faḍhilat tertentu. Bab pertama dimulai dengan faḍhilat berdoa seperti berikut:

قال رسول الله ﷺ : الدعاء هو العبادة، ثم تلا : { وَقَالَ رَبُّكُمْ أَذْعُونَنَا أَسْتَجِبْ لِكُمْ } (مص ع ح مس)

Bermaksud: Rasulullah S.A.W bersabda: Doa adalah ibadah, kemudian baginda membaca ayat al-Qur'an (Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu – Surah Ghafir, 40: 60) [Hadith Riwayat Ibn Abī Shaybah, Abī Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Ibn Mājah al-Qazwīnī, Ibn Ḥibbān, al-Mustadrak]

Bab yang terakhir ditulis oleh Ibn al-Jazari di dalam kitab beliau adalah berkaitan dengan kelebihan berselawat kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Antara hadith yang dinukilkan dalam bab ini ialah:

وعن عمر رضي الله عنه: إنَّ الدعاء موقوف بين السماء والأرض لا يصعد منه شيء حتى تصلّي على نبيك (مو ت)

Daripada Umar R.A, katanya: Sesungguhnya doa akan tergantung di antara langit dan bumi. Tiada sesuatu pun darinya akan naik (ke langit) sehingga kamu berselawat kepada Nabi kamu. [Hadith Riwayat al-Tirmidhī]

Telah berkata Ibn al-Jazari, bahawa beliau telah selesai menulis kitab ini pada hari ahad selepas zohor bertarikh 22 dzulhijjah 791 Hijrah. Beliau telah menyelesaikan penulisan ilmiah

beliah di salah satu Madrasah yang beliau dirikan di Damsyik. Sesungguhnya banyak manfaat kepada umat islam hari ini dalam menjadikan amalan doa-doa harian sebagai benteng diri dari goa'an syaitan yang direjam.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada maklumat yang disampaikan di atas, dapat disimpulkan dengan sempurna dan kemas bahawa Muhammad Ibn Yusuf Al-Jazari merupakan seorang ulama' besar pada kurun ke-8 hijrah. Sumbangan beliau yang sangat besar dalam kedua-dua bidang utama agama islam iaitu al-Qur'an dan hadith memberi kesan kepada umat islam hari ini. Sumbangan dalam bidang al-Qur'an khususnya dalam menjaga kesucian lafaz, cara bacaan dan sanad sangat ditekankan terutamanya dalam penulisan karya beliau. Tidak terhenti di situ sahaja, beliau juga mahir dalam bidang hadith dan berupaya menghasilkan karya-karya dalam bidang tersebut dimana sangat bermanfaat untuk dijadikan rujukan dan di amalkan oleh umat islam hari ini. Lebih daripada 10 karya dalam bidang hadith ditulis oleh beliau bermula dari pencerahan usul hadith di dalam kitabnya *Tadzhkirat al-'Ulamā' fī Usūl al-Hadīth*, serta ringkasan nya dalam bentuk syair atau matan di dalam kitab *Al-Hidāyah ilā 'Ulūm al-Riwāyah* sehingga kepada peringkat mengumpulkan hadith yang mengandungi doa-doa, wirid, serta zikir yang mampu memberikan manfaat khususnya kepada umat islam kini. Penulis merasakan pentingnya untuk mengkaji, mendalami dan menghayati dengan lebih mendalam setiap karya beliau dalam bidang hadith. Justeru itu, akanlah generasi akan datang yang dahagakan ilmu serta bersemangat untuk memberikan manfaat kepada umat islam keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Mashhūr Ibn Marzūq Al-harāzī (n.d), *Al-imām ibn al-jazarī muḥaddithan*, kitab online:  
<https://www.noor-book.com/en/ebook--الإمام-ابن-الجزري-محديثا--pdf>
- Imām Ibn al-Jazarī (833H), *Ghāyat al-Nihāya fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*, 2006, Darul Kitab Al-'alamiyah, Berut, Lubnan
- Imām Ibn al-Jazarī (833H), *Kitāb al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, kitab online:  
[https://archive.org/details/1\\_20200831\\_20200831/1-20](https://archive.org/details/1_20200831_20200831/1-20)
- Yahya, M. A. (2016). *Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam*. Journal Of Hadith Studies, 1(1). <https://doi.org/10.33102/johs.v1i1.6>
- Yūsuf al-Qardāwī (1998) *al-sunnah maṣdar lil-ma'rifah wa-al-hadārah*, Dar al Syuruq.
- Al-Ruwaythī, A, (2015) *Jāmi' Asānīd Ibn al-Jazarī*. Darul Ma'thūr, Madinah
- Prof. M. Dr Khairul Anuar Mohamad. (2022). *Metodologi Imam Ibn Al-Jazari Dalam Kitabnya Tarfat Al-Alim Min Kalam Abi Al-Qasim*. International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM, (8th), 367–375. Retrieved from <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/36>
- Imām Ibn al-Jazarī (833H), *Tadzhkirat al-'Ulamā' fī Usūl al-Hadīth li Imām Ibn al-Jazarī* ditahqiq oleh Dr Muṣṭafa Sulaymī, Markaz al Muwaṭṭa'. kitab online:  
[https://ebook.univeyes.com/pdf-العلماء-في-أصول-ال الحديث](https://ebook.univeyes.com/pdf-العلماء-في-أصول-الحديث)

Imām Ibn al-Jazarī (833H), *Al-Hidāyah ilā ‘Ulūm al-Riwāyah* ditahqiq oleh Abdul Fattah bin Muhammad Bilghadi al-Qunaiṭirī, 1431 H

Imām Ibn al-Jazarī (833H), *Al-Ḥiṣn al-Ḥaṣn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*, ditahqiq oleh Dr. Abd al-Ra’ūf bin Muḥammad, 1429 H, Kuwait.

Imām Ibn al-Jazarī (833H), ‘Uddat al-Ḥiṣn al-Ḥaṣn min Kalām Sayyid al-Mursalīn, disyarah oleh Sheikh Ḥusnayn Muhammed Makhlūf (Wafat: 1936 M) bekas seorang Kadi dan Mufti Mesir